

FOTOGRAFI BERI KEPUASAN

■ Jaguh judo Malaysia lepas tekanan di gelanggang dengan merakam gambar alam sekitar

Saiful Affendy Sapran
saifulaffendy@hmetro.com.my

Kehebatan atlet judo negara Chong Wei Fu menghempas lamarannya di atas gelanggang nyata tidak boleh dipertikai lagi apabila muncul atlet judo pertama negara meraih pingat perak di temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017).

Lagak dan gayanya di atas gelanggang membuktikan kecintaannya terhadap seni mempertahankan diri berasal dari Jepun lewat kurun ke-18 itu yang kurang popular di negara ini.

Namun di sebalik cintanya terhadap Judo, Wei Fu juga begitu meminati seni fotografi.

Jadi jangan terkejut dengan hasil petikan dari kamernya itu yang seolah-olah seperti jurugambar profesional!

Menceritakan bagaimana timbulnya minat untuk memotret gambar, atlet berasal dari Kluang, Johor itu berkata, ia bermula sebelum dia memasuki alam universiti lagi.

"Ketika itu saya hanya mempunyai kamera biasa saja dan apabila masuk ke UPM (Universiti Putra Malaysia), saya mula belajar mengenai kamera dengan

lebih mendalam selepas mengambil jurusan Komunikasi Massa.

"Saya mula membeli kamera DSLR yang lebih baik dan daripada situ minat untuk mengambil gambar semakin mendalam. Bila ada duit lebih sikit, saya membeli kamera terpakai jenama Nikon berharga RM1,800 yang digunakan sehingga sekarang," katanya.

Jelas Wei Fu, antara subjek yang paling digemari untuk mengambil gambar adalah alam sekitar.

"Saya sukakan suasana semulajadi dan atas sebab itu saya lebih gemar mengambil gambar berkenaan pokok-pokok atau apa saja yang berkaitan dengan alam sekitar.

"Bila dapat ambil gambar dengan cantik, itulah kepuasan sebenar yang tidak boleh diungkap dengan kata-kata," katanya.

Jelas Wei Fu, kerana minat yang mendalam itu, dia pernah bercuti sendiri ke Taiwan selama seminggu de-

ngan membawa kamera DSLR miliknya untuk mengambil apa saja gambar yang menarik di negara itu.

"Ia berlaku secara spontan tanpa sebarang perancangan. Saya tangkap apa saja subjek yang saya sukakan ketika itu dan ia secara langsung menjadikan percutian itu lebih menarik," katanya.

Bagi Wei Fu, dengan mengambil gambar, dia dapat melupakan seketika segala tekanan yang dialami sebagai seorang atlet.

"Tak dinafikan setiap atlet akan berdepan tekanan. Untuk saya, dengan cara inilah dapat meredakan tekanan yang dialami.

"Lagi pun ia memang satu aktiviti yang sangat menyeronokkan kerana kita melakukan perkara yang kita suka. Kalau gambar tak menarik buang saja, kalau menarik, simpan," katanya.

Atlet berusia 23 tahun itu bagaimana-



ANTARA foto sentuhan kreatif Wei Fu.

pun berkata, dia tidaklah terlalu serius untuk menjadi seorang jurugambar profesional.

"Kalau serius mungkin sudah lama saya beli kamera yang lebih mahal. Bagi saya cukup sekadar minat saja," katanya.




FOTO hitam putih diambil Wei Fu.



AKSI Wei Fu berdepan lawan di gelanggang.

"Tak dinafikan setiap atlet akan berdepan tekanan. Untuk saya, dengan cara inilah dapat meredakan tekanan yang dialami Chong Wei Fu"

PROFIL

CHONG WEI FU

Umur: 23 tahun
Tempat lahir: Kluang, Johor
Tinggi: 170sm
Berat: 70kg
Pencapaian
- Menyertai Kejohanan Judo Dunia di Rio 2013
- Gangsa Sukan SEA Singapura 2015
- Perak Sukan SEA KL2017